

PERLAKSANAAN SIYĀSAH SYAR'IIYAH DALAM PENTADBIRAN DI MALAYSIA

Oleh:

Bharudin Che Pa,* Siti Arni Basir** & Shukeri Mohamed***

Abstrak

Siyāsah Syar'iiyah berurusan dengan pentadbiran negara dan perkara-perkara yang sesuai dengan aturan syariah. Skop Siyāsah Syar'iiyah sangat besar yang merangkumi politik, pentadbiran, kewangan, ekonomi dan sosial. Tujuan utama pelaksanaan Siyāsah Syar'iiyah adalah untuk memastikan kepentingan awam dan manfaat bersama. Makalah ini membahas amalan Siyāsah Syar'iiyah dalam konteks pentadbiran di Malaysia. Ada empat program pentadbiran yang dibahas iaitu Dasar Penerapan Nilai Islam, Program Halal Hub, Tanggung Jawab Sosial dan Pembentukan Malaysia Standard (MS) 1900: 2005 dari Perspektif Islam.

Kata kunci: *Siyāsah Syar'iiyah, Pentadbiran Negara, Penerapan Nilai Islam, Tanggungjawab Sosial, Piawaiian Malaysia*

Abstract

Siyāsah Syar'iiyah deals with state administration and affairs which is in accordance with syariah rules. The coverage of Siyāsah Syar'iiyah is huge that encompasses politics, administration, financial, economy and social affairs. The ultimate aim of Siyāsah Syar'iiyah execution is to assure public interest and benefits. This paper discusses Siyāsah Syar'iiyah practices within the context of administration in Malaysia. There are four administration programmes that are discussed i.e. Islamic Values Installation Policy, Halal Hub Program, Social Responsibility and the establishment of Malaysian Standard (MS) 1900: 2005 from Islamic Perspective.

Kata kunci: *Siyāsah Syar'iiyah, State Administration, Islamic Values Installation, Social Responsibility, Malaysian Standard*

Pendahuluan

Siyāsah Syar'iiyah berkaitan dengan urusan pentadbiran dan pemerintahan negara yang selari dengan kehendak syariah. Ruang lingkup Siyāsah Syar'iiyah begitu luas di mana ia merangkumi hal-hal politik, ekonomi, pentadbiran, kewangan dan juga sosial. Kertas kerja ini membincangkan definisi dan konsep Siyāsah Syar'iiyah yang dipersetujui oleh ulama silam dan juga ulama masa kini. Kertas kerja ini juga membincangkan tentang pelaksanaan Siyāsah Syar'iiyah

* Bharuddin Che Pa, PhD, merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Siyāsah Syar'iiyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Siti Arni Basir, merupakan Pensyarah Kanan, di Jabatan Siyāsah Syar'iiyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui email: sitiarni@um.edu.my.

*** Shukeri Mohamed, PhD, merupakan Profesor Madya di Program Asasi Pengajian Islam, Nilam Puri, Universiti Malaya.

dalam konteks pentadbiran di Malaysia. 4 program pentadbiran di Malaysia yang dibincangkan dalam kertas kerja ini adalah Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam, Program Hub Halal, Program Tanggungjawab Sosial dan, penggubalan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti, *Malaysian Standard (MS) 1900:2005* daripada Perspektif Islam.

Pengertian Siyāsah Dari Segi Bahasa

Perkataan Siyāsah Syar‘iyyah berasal dari dua perkataan bahasa Arab iaitu *al-Siyāsah* dan *al-Syar‘iyyah*. Kedua-dua perkataan tersebut perlu diperjelaskan sebagai kunci bagi memahami konsep Siyāsah Syar‘iyyah yang sebenar. Perbincangan akan dimulakan dengan pengertiannya dari segi bahasa. Kemudian pengertian kedua-dua perkataan tersebut secara gandingan akan diperjelaskan pula dari segi istilah. Mengikut Kamus Arab, perkataan Siyāsah adalah kata terbitan (*maṣḍar*) daripada kata dasar *sāsā – yasūsū - siyāsatan*. Apabila disebut *sāsā al-amr, siyāsatan* ia bermaksud mentadbir dan mengendalikan sesuatu urusan, pekerjaan dan sebagainya dengan baik.¹ Menurut Ibn Manẓūr kata dasarnya *sāsā* atau *sawasa* adalah jelas menunjukkan perkataan Siyāsah adalah istilah yang berasal dari perkataan arab.

Oleh sebab itu, beliau menolak pandangan yang mengatakan perkataan Siyāsah berasal dari bahasa Farsi atau Monghul.² Dalam penggunaan istilah bahasa Arab perkataan Siyāsah memberi maksud yang sangat umum termasuklah mengendalikan urusan yang berkaitan dengan manusia, haiwan dan pelbagai urusan yang lain.³ Jika disebut *sāsā al-dabbah* misalnya, ia memberi maksud seseorang itu menjaga atau memelihara binatang. Selain itu Siyāsah juga diertikan sebagai arahan dan larangan serta tugas mendidik yang menjadi sebahagian dari usaha mentadbir.⁴ Perkataan siyasah boleh digunakan dalam pelbagai aspek, namun demikian semua maksudnya tidak terkeluar dari maksud asalnya iaitu melakukan sesuatu tindakan yang menguntungkan atau mendatangkan kebaikan.⁵ Keuntungan dan kebaikan tersebut diperolehi dengan pelbagai cara seperti dengan cara memimpin, merancang, mengurus, mentadbir, mengendalikan urusan, menjaga keperluan, membantu dan sebagainya.⁶ Oleh itu Siyāsah adalah satu istilah yang sangat berkaitan dengan urusan kerajaan dan rakyat, skopnya ialah bagaimana pihak kerajaan mengendalikan hal-ehwal

¹ Al-Muqirri (1994), *al-Miṣbāh al-Munir*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 2, h. 295.

² Ibn Manẓūr (1990), *Lisān al-‘Arab*, Beirut, j. 6, h. 108. Lihat juga al-Razī, Fakhr al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Umar Ibn Ḥusn (1992), *Mukhtār al-Ṣiḥḥah*, Beirut: t. pt., h. 135.

³ Al-Zubaydī (t.t.), *Tāj al-‘Arūs Min Jawāhir al-Qāmūs*, Beirut: Dār al-Maktabah al-Hayah, j. 4, h. 169; Lihat juga Ibrāhīm Ānis (t.t.), *al-Mu‘jam al-Wasīl*, t.tp., h. 462.

⁴ Al-Tāhir, Ahmad al-Zawāwī (t.t.), *Tartīb al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, Beirut, j. 2, h. 646.

⁵ Ibn Manẓūr (1990), *Lisān al-‘Arab*, j. 7 h. 413

⁶ Shukeri Mohammad (1999), ‘Siyasah Syar‘iyyah dan kedudukannya Sebagai Metod Penentuan hukum.’ Dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj. Azhari (ed.) (1999), *Hukum Islam Semasa bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, h. 99.

kenegaraan yang memberi kebaikan dan keuntungan kepada rakyat dan masyarakat.

Pengertian Syar‘iyyah Dari Segi Bahasa

Perkataan Syar‘iyyah diambil dari lafaz *syara‘* (شرع). Ia sebagai menjelaskan atau membuktikan mengenai sesuatu yang disandarkan kepada *syara‘* dan menerimanya sebagai sesuatu yang sah. Secara literalnya, perkataan *syar‘iyyah* memberi maksud tentang sesuatu yang sah di sisi syarak.⁷ Namun dari segi bahasanya ia bermaksud jalan yang lurus dan tempat laluan air. Tempat laluan air itulah yang disebut *al-Syar‘*. Selain itu ia juga disamakan dengan perkataan *al-Dīn* dan *al-Millah*.⁸

Di dalam pengajian Ilmu Fiqh, para *fuqahā‘* mentakrifkan *al-Syariah* sebagai hukum-hukum yang diwahyukan oleh Allah kepada para Nabi untuk dibawakan kepada sekalian hambaNya. Dinamakan hukum-hukum tersebut syariah kerana ia suatu ajaran yang lurus dan disamakan kedudukannya seperti tempat aliran air kerana Syariah Islam menghidupkan jiwa dan akal manusia sebagaimana air menghidupkan tubuh badan.⁹

Dari segi kaedah Bahasa Arab perkataan *syar‘iyyah* menunjukkan sesuatu yang disandarkan (dinisbahkan) kepada syarak dan syarak menerimanya sebagai sesuatu yang sah, atau secara literalnya perkataan *syar‘iyyah* memberi maksud tentang sesuatu yang sah di sisi hukum syarak.¹⁰ Apabila Syariah dinisbahkan kepada agama, maka ia adalah suatu perkara yang disyarakkan oleh Allah. Atau dengan kata lain perkataan syariah bermaksud sesuatu hukum yang dinisbahkan kepada hukum syarak sebagai syariah yang wajib dilaksanakan dalam pentadbiran negara, di mana pemimpin-pemimpin dan pentadbir yang tidak melaksanakan hukum-hukum Allah sebagai syariah akan menerima balasan buruk di akhirat kelak.¹¹

Definisi Siyāsah Syar‘iyyah Menurut Istilah

Penggunaan istilah Siyāsah Syar‘iyyah dikesan telah berlaku semenjak dahulu lagi melalui penulisan para ulamak silam. Para ulamak telah mengemukakan pelbagai definisi terhadap istilah Siyāsah Syar‘iyyah mengikut kefahaman dan persepsi

⁷ Ibrāhīm Ānis dan lain-lain (t.t.), t.tp., *Al-Mu‘jam al-Wasīṭ*, c. 2, j. 1, h. 681.

⁸ Badrān Abū al-‘Ayn (t.t) *al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*. Iskandariyyah: Mu‘assasah Syabāb al-Jāmi‘ah, h. 27.

⁹ Yusūf Ḥamīd al-‘Ālim (Dr.), (t.t.), *al-Maqāṣid al-‘Āmmah li al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, Khartoum: Dār al-Sūdāniyyah li al-Kutub, h. 19-21.

¹⁰ Aḥmad al-‘Ayid (t.t.), *Mu‘jam al-Asāsī*, t.tp., al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah Wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm: Jami‘ah al-Duwal al-‘Arabiyyah, Larus, h. 681.

¹¹ Haji Said Haji Ibrahim (1997), *Manhaj Ilmu Fiqh*, Kuala Lumpur: Dār al-Ma‘rifah, h. 3833.

masing-masing. Daripada pelbagai definisi yang dikemukakan oleh mereka ianya boleh diklasifikasikan kepada dua aspek utama iaitu:

Pertama: Siyāsah Syar‘iyyah merupakan kaedah pentadbiran dan pemerintahan negara menurut perspektif Islam.

Kedua: Siyāsah Syar‘iyyah sebagai kaedah penentuan hukum di bawah bidangkuasa kerajaan Islam.

Dalam kertas kerja ini penulis akan membincangkan Siyāsah Syar‘iyyah mengikut pengertian pertama iaitu; Siyāsah Syar‘iyyah merupakan kaedah pentadbiran dan pemerintahan negara menurut perspektif Islam. Siyāsah dalam konteks ini menekankan kepada maksud pengendalian urusan pemerintahan negara mengikut landasan syarak sama ada berpandukan kepada al-Qur’an, al-Sunnah atau Ijtihad bagi menjamin kepentingan dan kemaslahatan rakyat. Ianya merangkumi seluruh aspek pentadbiran dan pemerintahan negara seperti politik, pentadbiran, kewangan, ekonomi, sosial, kemasyarakatan dan sebagainya.

Siyāsah Syar‘iyyah Mengikut Pandangan Ulama Silam

Para Ulama silam telah memberikan pelbagai definisi terhadap Siyāsah Syar‘iyyah mengikut pandangan masing-masing, yang sesuai dengan realiti pada zaman mereka. Di antara ulama yang memberikan definisi tersebut ialah:

- i. Ibn ‘Āqil menyatakan Siyāsah syar‘iyyah ialah : *Suatu tindakan oleh pemimpin yang boleh menyelamatkan orang ramai dan menghindarkan mereka dari kehancuran, walaupun tindakan tersebut tidak dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. atau pun tidak ada wahyu berkenaan perkara tersebut.*¹²
- ii. Ibn Nujaim berpendapat: *Siyāsah Syar‘iyyah ialah satu tindakan sesuatu dari pihak pemerintah berdasarkan kemaslahatan yang dilihatnya sekalipun tidak ada dalil secara langsung dan terperinci ke atas perbuatan itu.*¹³
- iii. Ibn ‘Ābidīn menegaskan: *Siyāsah ialah mengelokkan keadaan orang ramai dengan membimbing dan memimpin mereka ke jalan yang selamat di dunia dan akhirat.*¹⁴

¹² Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *al-Turuq al-Hukmiyyah Fī al-Siyāsah al-Syar‘iyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 11.

¹³ Zayn al-Dīn Ibn Nujaim (t.t.), *al-Baḥr al-Rā‘iq Syarḥ Kanzu al-Daqā‘iq*, c. ke 3, Dār al-Kitāb al-Islāmī, j. 5. h. 11.

¹⁴ Muḥammad Amīn Ibn ‘Ābidīn (1966), *Hāshiyah Radd al-Mukhtār ‘Alā al-Durr al-Mukhtār*, c. 3, Beirut: Dār al-Fikr, j. 4, h. 15.

- iv. Al-Bujairimī menyatakan: *Siyāsah ialah mengelokkan urusan rakyat dan mentadbir urusan mereka.*¹⁵
- v. Al-Nasafī pula berpendapat: *Siyāsah ialah mengendalikan urusan rakyat kepada kebaikan secara lemah lembut atau kekerasan.*¹⁶

Siyāsah Syar'iyah Mengikut Pandangan Ulama Kini

Para sarjana Islam masa kini bersetuju dengan pentakrifan yang telah dibuat oleh ulama terdahulu. Di antara ulama yang bersetuju dengan pentakrifan di atas ialah:

- i. Rizq Muḥammad al-Zalbānī di mana beliau menjelaskan: *Siyāsah Syar'iyah ialah mengendalikan urusan awam atau bersama berdasarkan hikmat yang tidak bercanggah dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah walaupun tindakan tersebut tidak disokong oleh dalil-dalil juz'î.*¹⁷
- ii. Fath al-Duraynī pula berpendapat: *Siyāsah ialah menjalankan pentadbiran negara (umat) sama ada hal ehwal dalam negara atau luar negara berpandukan masalah.*¹⁸
- iii. Dr. Muḥammad Na'īm Yāsin menjelaskan: *Siyāsah ialah pentadbiran hal ehwal rakyat yang dijalankan oleh pemimpin Islam atau pembantunya berdasarkan maqasid al-Ammah*¹⁹ *walaupun perkara itu tidak menepati pendapat para imam mazhab.*²⁰
- iv. Syeikh 'Abd al-Raḥmān Tāj mendefinisikan *Siyāsah Syar'iyah* sebagai: *Hukum-hukum atau peraturan yang mengatur perjalanan pentadbiran negara dan rakyat, di mana ianya hendaklah bertepatan dengan ruh syariah, selaras dengan usul-usul kulliyah, seterusnya dapat mencapai objektif kemasyarakatan, walaupun hukum-hukum itu tidak disebut secara langsung oleh nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah.*²¹

¹⁵ Sulaymān Ibn 'Umar Ibn Muḥammad al-Bujayrimī (1965), *Ḥāsiyyah al-Bujayrimī 'Alā al-Manhaj*, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh, j. 2, h.178.

¹⁶ Najm al-Dīn Ibn Ḥafis al-Nasafī (1311 H.), *Ṭalabah al-Talabah Fī al-Iṣṭilāḥ al-Fiqhiyyah*, Baghdad: Maktabah al-Muthnā, h.167.

¹⁷ Rizq Muḥammad al-Zalbānī (t.t.), *Mudhakkirah Fī Maddah al-Siyāsah al-Syar'iyah*, Kaherah: Maṭba'ah al-Syarq, h. 19.

¹⁸ Fath al-Duraynī (1987), *Khaṣā'is al-Tasyrī' al-Islāmī Fī al-Siyāsah Wa al-Ḥukm*, Beirut, h. 189.

¹⁹ Muḥammad Na'īm Yāsin, Dr. (1992), *Mudhakkirah Fī al-Siyāsah al-Syar'iyah*, Amman: Jāmi'ah al-Urdūniyyah.

²⁰ 'Abd al-Waḥhāb Khallāf (1988), *al-Siyāsah al-Syar'iyah fī al-Shu'ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah wa al-Māliyyah*. Kuwait: Dār al-Qalam Li Nashr wa al-Tawzī', h. 17.

²¹ 'Abd al-Raḥmān Tāj (1415 H), *al-Siyāsah al-Syar'iyah Wa al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah: al-Azhār, h. 12.

- v. Syeikh ‘Abd al-Wahhāb Khallāf pula menjelaskan: *Siyāsah Syar‘iyyah ialah menjalankan pentadbiran awam sebuah negara Islam berdasarkan sesuatu yang menjamin kebaikan dan mengelakkan keburukan dimana ia tidak terkeluar dari batas-batas syariat dan dasar-dasar umumnya walaupun perkara itu tidak menepati pendapat para imam mazhab.*²²

Berdasarkan beberapa pandangan di atas bolehlah dirumuskan bahawa *Siyāsah Syar‘iyyah* merupakan sistem politik yang mentadbir kerajaan Islam, yang mengurus urusan kerajaan dan rakyat dalam setiap aspek. Kaedah pentadbiran ini dipetik dari nas-nas syariah yang terdiri dari al-Qur’an dan al-Sunnah yang ditafsirkan oleh para ulama. Jika sekiranya kaedah pengurusan itu tidak disebut oleh nas al-Qur’an dan al-Sunnah maka ia hendaklah diambil daripada pendapat imam mujtahid, dengan syarat ianya tidak bertentangan dengan ketetapan-ketetapan umum dan kaedah-kaedah asas yang ditetapkan oleh syariah Islam. Begitu juga secara dasarnya ia tidak boleh bercanggah dengan dalil-dalil yang nyata serta semangat perundangan Islam. Oleh itu *Siyāsah syar‘iyyah* adalah suatu istilah yang digunakan membabitkan hubungan rakyat dan pemimpin dengan berpandukan sumber hukum dan kaedah ijtihad bagi membentuk sistem politik Islam.²³ Hasil rumusan ijtihad mereka dalam pelbagai bidang dan sektor inilah membentuk polisi-polisi kerajaan bagi memandu bidang-bidang yang berkaitan.

Secara umumnya bolehlah dinyatakan bahawa *Siyāsah Syar‘iyyah* adalah ilmu yang membincangkan tentang:

- i. Kaedah pemerintahan Islam yang merangkumi segala tindakan kerajaan dalam membentuk dasar, peraturan dan polisi negara. Ia meliputi seluruh institusi kerajaan seperti kementerian, agensi-agensi kerajaan, jabatan dan jentera kerajaan. Justeru cakupannya adalah lebih luas lagi yang membabitkan tentang perjalanan dan pentadbiran di bawah bidang kuasa kerajaan.
- ii. *Maṣlaḥah al-‘Ammah* adalah suatu neraca bagi menimbangkan polisi atau dasar pemerintah terhadap rakyat.
- iii. Penggubalan polisi dan dasar kerajaan diperluaskan kepada keperluan semasa selagi tidak bertentangan secara hakiki dengan syariat Islam.

²² ‘Abd al-Wahhāb Khallāf (1988), *al-Siyāsah al-Syar‘iyyah*, h. 17.

²³ Sistem politik Islam bermaksud peraturan-peraturan dasar dan kaedah-kaedah pelaksanaan yang menjadi garis panduan serta landasan para pemimpin dan kerajaan dalam menjalankan pemerintahan dan pentadbiran negara yang melibatkan pelbagai sektor dan kementerian.

Perlaksanaan Siyāsah Syar‘iyyah Dalam Pentadbiran Di Malaysia

Seperti yang ditegaskan di bahagian awal kertas kerja ini bahawa Siyāsah Syar‘iyyah adalah pengendalian urusan pemerintahan negara mengikut landasan syarak sama ada berpandukan kepada al-Quran, al-Sunnah atau ijtihad bagi menjamin kepentingan dan kemaslahatan rakyat. Ianya merangkumi seluruh aspek pentadbiran dan pemerintahan negara yang mencakupi bidang politik, pentadbiran, kewangan, ekonomi, sosial dan kemasyarakatan. Untuk memahami pelaksanaan Siyāsah Syar‘iyyah dalam konteks realiti, bahagian ini akan membincangkan pelaksanaan Siyāsah Syar‘iyyah dalam bidang pentadbiran di Malaysia.

Perlaksanaan Siyāsah Syar‘iyyah di Malaysia dalam bidang pentadbiran boleh dilihat daripada 4 program yang telah dan sedang dilaksanakan iaitu Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam, Program Hub Halal, Tanggungjawab Sosial dan Sistem Pengurusan Kualiti MS 1900:2005 dari perspektif Islam.

1. Dasar penerapan nilai-nilai Islam

Menurut Metle²⁴, Islam adalah agama yang bukan hanya tentang sistem kepercayaan, tetapi juga melibatkan peraturan hidup bermasyarakat dan tentang cara hidup. Dalam konteks ini, beliau menyatakan:

“Religions, in general are considered to be specific systems of belief, worship, conductetc, often involving a code of ethics and philosophy. However, Islam is also a social order and a way of life which aims at producing a unique personality and a distinct culture for society”.

Islam sebagai cara hidup juga memberi perhatian yang serius terhadap segenap aspek kehidupan manusia. Penegasan ini dibuat oleh sarjana Islam terkenal, al-Bureay (1985, h.59):²⁵ seperti dalam kenyataan beliau yang berikut:

“Since Islam is a comprehensive code of life, it treats the most minor, simple and detailed issues in the private and public life of the individual with the same seriousness that is considers the complex issues of modern economic and technological development.”

Islam sebagai cara hidup sudah pasti mempengaruhi segenap lapangan kehidupan termasuklah aspek sosial, ekonomi dan pentadbiran. Metle²⁶

²⁴ Metle, A., (2006), ‘Islam and management.’ *International Journal of Social Economics*, Vol. 7(8), h.235-250.

²⁵ Al-Bureay, M. (1985), *Administrative Development: An Islamic Perspective*, London: Keegan Paul International, h. 59.

²⁶ *Ibid.*

mendapati bahawa Islam mempengaruhi budaya rakyat Kuwait yang kemudiannya mempengaruhi budaya kerja kaum wanita Kuwait.

Memahami bahawa Islam adalah cara hidup yang mempengaruhi kehidupan umat Islam termasuklah budaya kerja, maka amatlah wajar nilai-nilai Islam diterapkan dalam bidang pekerjaan. Dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran awam telah dilancarkan oleh kerajaan Malaysia pada 1985 dengan matlamat agar perjalanan pentadbiran berpandukan kepada nilai-nilai yang benar dan perkhidmatan yang cekap dapat disediakan untuk rakyat. Dasar ini amatlah wajar dilaksanakan memandangkan Islam adalah agama rasmi Malaysia dan majoriti anggota pentadbiran awam adalah orang-orang Islam. Malahan lebih 60 peratus rakyat Malaysia beragama Islam.

Dasar ini boleh dikaitkan dengan Tayeb (1997) yang berpendapat bahawa di negara yang kebanyakan rakyatnya adalah muslim, Islam melalui budaya sesebuah negara akan mempengaruhi organisasi.²⁷ Dasar penerapan nilai-nilai Islam ini juga menepati saranan oleh al-Buraey iaitu agar pelaksanaan model pentadbiran Islam dimulakan di perkhidmatan awam mana-mana negara.²⁸ Wawasan Malaysia adalah untuk bergerak mencapai negara maju pada abad ke 21²⁹ dan penerapan nilai-nilai Islam ini menunjukkan faktor agama tidak dipencilkan dalam agenda pembangunan negara.

Secara teorinya, Sherif³⁰ mengemukakan banyak nilai-nilai Islam iaitu akhlak cemerlang, sabar, disiplin sendiri, penampilan menarik, kawalan sendiri, tetap pendirian, ikhlas, boleh dipercayai, amanah dan sedia berkhidmat. Endot³¹ pula mendapati terdapat 11 nilai Islam yang menjadi amalan model kerajaan Malaysia sebagai sebahagian dasar Islamisasi iaitu boleh dipercayai, bertanggungjawab, berdisiplin, ikhlas, berdedikasi, berhati-hati, menjaga kebersihan, bekerjasama, berkelakuan baik, menghargai orang lain dan bersikap sederhana.

Endot³² juga telah melakukan kajian lapangan terhadap 9 organisasi di Malaysia dan mendapati nilai-nilai Islam yang diamalkan termasuklah menyediakan bilik solat, memperuntukan waktu solat, menutup aurat, mengadakan ceramah agama, mengadakan doa mula dan tamat kerja dan melaksanakan akauntabiliti kepada Allah s.w.t.

²⁷ Tayeb, M. (1997), 'Islamic revival in Asia and human resource management.' *Employee relations*, Vol. 19(4), h. 352-364.

²⁸ Al-Buraey, M. (2001), 'The Islamic model of administration.' *Managerial Finance*, Vol. 27(10/11), h. 5-24.

²⁹ Ahmad, Khaliq and Ahmad, Shamim (1996), 'Islamic values in management.' dalam *Quality Management from Islamic Perspective*. (Eds.) Sadeq, AbulHasan and Ahmad, A.Khaliq, h. 11-36.

³⁰ Sherif, Ali (1975), 'People management in Islam.' *Management Review*, vol. 9(2), h. 45-67.

³¹ *Ibid*.

³² Tayeb, M. (1997), 'Islamic revival in Asia, h. 56.

2. Program Hub Halal

Isu makanan halal kini menjadi agenda penting di seluruh dunia dan ianya mempunyai potensi pasaran yang sangat besar. Biro Pemasaran Antarabangsa Kanada melaporkan nilai dagangan halal antarabangsa ialah \$150 billion setahun. Manakala kuasa membeli orang-orang Islam di Amerika Syarikat bernilai \$12 billion pada 1999 di mana \$3 billion daripadanya adalah perbelanjaan untuk daging dan hasil ternakan. Di benua Eropah pula, jumlah orang-orang Islam adalah 15 juta, iaitu pasaran yang besar untuk produk halal. Pada masa lalu, orang-orang Islam akan mengelakkan makanan yang tidak halal. Tetapi pada hari ini, kehadiran kaum muslimin dalam bidang sosial dan politik di bumi Eropah semakin dirasai dan mereka mahukan label halal untuk produk makanan.³³

Malaysia sebagai negara perdagangan antarabangsa tidak terlepas daripada perkembangan produk halal antarabangsa. Apatah lagi lebih separuh daripada jumlah penduduk Malaysia beragama Islam. Satu perkara penting yang perlu dimaklumi ialah produk halal bukan hanya ditujukan kepada orang Islam, tetapi juga termasuk orang bukan Islam. Ini kerana halal bukan banyak bermaksud boleh dimakan mengikut kebenaran syarak, tetapi juga terjamin di segi kesucian dan kebersihannya.

Dalam ucapannya semasa membentangkan Rancangan Malaysia ke 9 pada 31 Mac 2006, Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan bahawa Rancangan Malaysia ke 9 akan memacu Malaysia sebagai hub halal antarabangsa. Beliau berkata:³⁴

“Untuk melonjakkan keupayaan Malaysia dalam sektor Halal, terutamanya berkaitan dengan pensijilan dan pengiktirafan, Rancangan Malaysia ke 9 akan memacu pertumbuhan sektor halal dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hub sebagai produk dan perkhidmatan Halal”. Perbadanan Pembangunan Industri Halal – Halal Industry Development Corporation (HDC) akan ditubuhkan untuk membangunkan industri halal secara menyeluruh dan teratur”.

HDC ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan geran RM 25 juta.³⁵ HDC yang ditubuhkan pada September 2006 yang dipertanggungjawabkan untuk:³⁶

³³ Vermeir, I., Blackler, F.B. & Verbeke, W. (2007), 'Determinants of halal meat consumption in France.' *British Food Journal*, vol. 109(5), pp. 367-386.

³⁴ Halal Industry Development Centre (HDC), Company Profile, www.hdcglobal.com/mainpage/aboutHDC/profile.asp. Diakses pada 21.11.08.

³⁵ Sila lihat maklumat mengenai Persidangan zakat dan cukai peringkat kebangsaan 2007, www.zakat.com.my/kertas_kerja/perancangan_nilai_Islam, diakses pada 21.11.08

³⁶ *Ibid.*

- i. memandu pembangunan piawan Halal, prosedur audit dan pensijilan dengan tujuan untuk menjamin integriti Halal.
- ii. mengarah dan menyelaraskan pembangunan industri Halal Malaysia yang melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan sama ada di sektor awam atau swasta.
- iii. menguruskan pembinaan keupayaan pengeluar Halal dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya.
- iv. menyokong pelaburan kepada industri Halal Malaysia
- v. menggalakkan pertumbuhan dan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia dalam pasaran halal.
- vi. membangun, mempromosi dan memasarkan jenama Halal Malaysia
- vii. mempromosikan konsep Halal dan perkhidmatan dan barangan berkaitan dengannya.

Walaupun pada mulanya pengurusan dan pengeluaran pensijilan halal diletakan di bawah HDC, namun tanggungjawab tersebut telah dikembalikan semula kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Ianya bertujuan untuk membolehkan HDC memfokuskan kepada usaha-usaha pembangunan hub halal di peringkat antarabangsa. Ianya juga bertujuan untuk meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap sijil halal kerana ianya dikeluarkan oleh JAKIM, iaitu badan yang telah lama terlibat dalam pensijilan halal. Untuk memajukan industri halal negara, beberapa langkah sedang diteliti iaitu termasuk di segi perundangan.³⁷

3. Menggalakkan Tanggungjawab Sosial (Program Amal Jariah dan Potongan Cukai)

Kerajaan Malaysia telah menggalakkan agar sektor awam dan swasta melaksanakan tanggungjawab sosial demi kepentingan masyarakat. Usaha-usaha kerajaan ini dapat dilihat melalui pembentangan belanjawan 2008 iaitu:³⁸

- i. Kerajaan telah mengumumkan *Program Amal Jariah* dengan dana RM50 juta untuk memperbaiki kerosakan rumah golongan termiskin. Sehingga September 2007, 4,600 rumah telah diperbaiki dengan belanja RM24 juta.
- ii. Kerajaan memberi potongan cukai kepada syarikat yang memberi sumbangan kepada projek kemasyarakatan berkaitan pendidikan, kesihatan, perumahan, infrastruktur dan ICT. Untuk menyuburkan budaya tanggungjawab sosial, kerajaan mencadangkan skop projek kemasyarakatan yang diberi potongan cukai diperluaskan kepada projek menambah pendapatan golongan miskin dan pemuliharaan alam sekitar.

³⁷ Berita Harian, "JAKIM ambil alih proses sijil halal", 10 Julai, 2009.

³⁸ The 2008 Budget speech, daripada internet: www.epu.jpm.my/bajet/enbudget2009.pdf. Diakses pada 21.11.08.

- iii. Malaysia adalah pengeluar terbesar minyak sawit. Untuk mempertingkatkan penerimaan global, tanggungjawab terhadap sosial dan persekitaran dalam urusan perniagaan hendaklah ditingkatkan. Sehubungan dengan itu, kerajaan menyokong sepenuhnya usaha-usaha syarikat minyak sawit untuk mencapai pensijilan Meja bulat untuk kelangsungan minyak sawit, atau *Roundtable for sustainable Palm Oil* (RSAAPO). Kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta untuk menyokong RASPO yang menyokong program kemasyarakatan, memperbaiki taraf sekolah di ladang, program pemeliharaan seperti mempertingkatkan biodiversiti ladang.

4. Penggubalan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS 1900:2005 dari perspektif Islam.³⁹

Program memacu kualiti merupakan salah satu agenda Kerajaan Malaysia dalam melaksanakan pembaharuan di sektor awam (1981-2005).⁴⁰ Untuk memenuhi tuntutan massa terhadap kualiti perkhidmatan awam, kerajaan Malaysia telah melaksanakan program-program seperti *Total Quality Management* (TQM), *Quality Control Circle* (QCC), Unit Jaminan Kualiti, Perancangan Strategik dan Piagam Pelanggan. Pada 1996, ISO 9000 mula dilaksanakan di sektor awam. Walaupun Malaysia menggunakan standard ISO 9000nya sendiri, tetapi Malaysia juga adalah satu-satunya negara di dunia yang memiliki perancangan untuk melaksanakan ISO 9000 di seluruh jentera perkhidmatan awam.⁴¹

Malaysia adalah pengamal SPK ISO 9001 yang meliputi sektor swasta mahupun awam. SPK ISO 9001 yang digunakan di Malaysia adalah ISO 9001 yang diperkenalkan daripada *International Organisation Standardisation* (ISO Geneva). Usaha-usaha telah dijalankan melalui pembentukan Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Teknikal yang akhirnya berjaya melahirkan Sistem pengurusan kualiti *Malaysian Standard*, MS1900: 2005 dari perspektif Islam. MS 1900:2005 dibangunkan berdasarkan kepada Standard ISO 9001 iaitu standard yang digunakan di seluruh dunia. Standard ini memerlukan sesebuah organisasi mewujudkan satu sistem pengurusan kualiti secara menyeluruh dalam usaha memenuhi kehendak pelanggan, memenuhi keperluan kualiti produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta mengurangkan kos pengeluaran. Keperluan ini sejajar dengan semangat syariah. Malah, elemen-elemen tambahan yang terdapat dalam MS 1900:2005 memasukkan apa yang tiada dalam ISO 9001 yang diamalkan di Malaysia, iaitu keperluan-keperluan syariah.⁴² Sehingga kini (Mac 2010), terdapat lima organisasi

³⁹ MS1900:2005 –Piawaian Halal Sistem Pengurusan Kualiti, Bernama. 28/10/08.


⁴⁰ Siddiquee, N. A. (2006), 'Public management reform in Malaysia.' *International Journal of Public Sector Management*, Vol. 19(4), h. 339-358.

⁴¹ *Ibid.*

⁴² Kenyataan untuk media, Institut Kefahaman Malaysia (IKIM), 31 Oktober, 2008.

di Malaysia yang telah mendapat pensijilan MS1900:2005 iaitu Natural Wellness Industries Sdn. Bhd., Century Total Logistic Sdn. Bhd., Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., PNB Darby Park Executive Suite dan Pusat Zakat, Melaka.

Rajah 1
Model Sistem Pengurusan Kualiti MS 1900:2005 dari Perspektif Islam



Rajah 1 di atas adalah model Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS 1900:2005 yang telah diubahsai daripada SPK ISO 9001:2000. Rajah ini menunjukkan bahawa keperluan-keperluan MS 1900:2005 sama dengan keperluan ISO 9001 tetapi ia ditambah dengan satu keperluan baru iaitu kepatuhan kepada syariah. Ini bermakna keperluan MS 1900:2005 bukan hanya melibatkan keperluan pengurusan sumber, tanggungjawab pengurusan, realisasi produk dan penambahbaikan berterusan, tetapi juga keperluan tersebut hendaklah menepati kehendak syariah.

Tujuan MS 1900:2005 adalah untuk.⁴³

- i. Untuk menyerapkan keperluan syariah dalam amalan pengurusan kualiti dengan memberi penekanan kepada pengurusan berasaskan nilai.

⁴³ Abd Aziz Long (2008), "MS1900:2005 Quality Management Systems Requirements from Islamic Perspective", Kertas Kerja dalam Seminar Sistem Pengurusan Kualiti MS1900:2005 daripada perspektif Islam, anjuran IKIM and SIRIM QAS International, 30.10.08

- ii. untuk mempertingkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan melalui amalan nilai-nilai universal yang baik di semua peringkat organisasi.
- iii. untuk mempertingkatkan tahap kepatuhan kepada keperluan syariah dan tahap keyakinan di kalangan orang Islam dan pihak yang berkepentingan.

Kesimpulan

Melihat kepada keempat-empat program pentadbiran yang telah dan sedang dilaksanakan iaitu Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam, Program Hub Halal, Tanggungjawab Sosial dan Sistem Pengurusan Kualiti MS 1900:2005 dari perspektif Islam, dapat disimpulkan bahawa program-program tersebut menepati kehendak Siyāsah Syar‘iyyah. Dasar penerapan nilai-nilai Islam contohnya, amatlah wajar dilaksanakan dalam konteks negara Malaysia di mana lebih separuh daripada jumlah penduduknya beragama Islam. Nilai-nilai Islam yang diamalkan menjadi teras perbuatan dan cara kerja yang sudah pasti mempengaruhi suasana kerja di jabatan-jabatan kerajaan. Dasar penerapan Nilai-nilai Islam ini bertujuan untuk memupuk nilai-nilai Islam dalam dunia pekerjaan yang mana matlamat akhirnya adalah untuk mencapai kecemerlangan pekerjaan dan perkhidmatan.

Manakala proram hub halal adalah projek yang agak baru di mana program ini dirangka untuk melonjakkan peranan Malaysia dalam arena halal tempatan dan antarabangsa. Program ini sudah pastinya membawa faedah yang besar kepada masyarakat muslim di Malaysia kerana penyediaan makanan dan perkhidmatan akan lebih terjamin di segi kehalalannya. Program tanggungjawab sosial yang telah dilaksanakan pula sudah pasti membawa manfaat yang besar kepada orang-orang Islam yang hidup dalam kesusahan. Akhirnya, penggubalan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti *Malaysian Standard* (MS) 1900:2005 amatlah wajar kerana sistem ini dirangka untuk dijadikan garis panduan kepada mana-mana organisasi yang ingin melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang menepati kehendak Islam. Penggubalan sistem ini sudah pasti akan membawa manfaat yang besar kepada umat Islam di Malaysia.

Program-program tersebut ternyata menepati definisi yang diberi oleh ulama silam dan ulama masa kini iaitu Siyāsah Syar‘iyyah adalah urusan dan perkara yang berkaitan dengan politik dan pentadbiran Islam, yang mana matlamat asalnya adalah untuk menjamin kepentingan dan kemaslahatan ummah. Walaupun tidak ada dalil secara langsung dan terperinci ke atas keempat-empat program pentadbiran yang dibincangkan, tetapi ternyata bahawa program-program tersebut membawa banyak manfaat kepada umat Islam khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

Bibliografi

- Abd Aziz Long (2008), “*MS1900:2005 Quality Management Systems Requirements from Islamic Perspective*”, Kertas Kerja dalam Seminar Sistem Pengurusan Kualiti MS1900:2005 daripada perspektif Islam, anjuran IKIM and SIRIM QAS International, 30.10.08
- Abū al-‘Ayn, Badrān (t.t) *al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Iskandariyyah: Mu’assasah Shabāb al-Jāmi‘ah.
- Ahmad, Khaliq and Ahmad, Shamim (1996), ‘Islamic values in management.’ dalam *Quality Management from Islamic Perspective*. (Eds.) Sadeq, AbulHasan and Ahmad, A.Khaliq, h. 11-36.
- al-‘Ālim, Yūsūf Ḥāmīd (t.t.), *al-Maqāṣid al-‘Āmmah Li al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, Khartoum: Dār al-Sūdāniyyah Li al-Kutub.
- Ānis, Ibrāhīm (t.t.), *al-Mu‘jam al-Wasīṭ*, t.tp..
- al-‘Ayid, Aḥmad (t.t.), *Mu‘jam al-Asāsī*, t.tp., al-Munazzamah al-‘Arabiyyah Li al-Tarbiyyah Wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm: Jami‘ah al-Duwal al-‘Arabiyyah.
- al-Bujayrimī, Sulaymān Ibn ‘Umar Ibn Muḥammad (1965), *Ḥāshiyah al-Bujayrimī ‘Alā al-Manhaj*, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh, j. 2.
- Al-Buraey, M. (2001), ‘The Islamic model of administration.’ *Managerial Finance*, Vol. 27(10/11), h. 5-24.
- _____ (1985), *Administrative Development: An Islamic Perspective*, London: Keegan Paul International.
- al-Duraynī, Faṭḥ (1987), *Khaṣā‘iṣ al-Tashrī‘ al-Islāmī Fī al-Siyāsah Wa al-Ḥukm*, Beirut.
- Haji Said Haji Ibrahim (1997), *Manhaj Ilmu Fiqh*, Kuala Lumpur: Dar al-Ma‘rifah.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn (1966), *Ḥāsiyyah Radd al-Mukhtār ‘Alā al-Durr al-Mukhtār*, c. 3, Beirut: Dār al-Fikr, j. 4.
- Ibn Manẓur (1990), *Lisān al-‘Arab*, Beirut, j. 6.
- al-Jawziyyah, Ibn Qayyīm (t.t.), *al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah Fī al-Siyāsah al-Syar‘iyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Khallāf, ‘Abd al-Wahhāb (1988), *al-Siyāsah al-Syar‘iyyah fī al-Syu‘ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijiyyah wa al-Māliyyah*. Kuwait: Dār al-Qalam Li Nashr wa al-Tawzī‘.
- Metle, A., (2006), ‘Islam and management.’ *International Journal of Social Economics*, Vol. 7(8), h.235-250.

- Al-Muqirī (1994), *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 2.
- al-Nasaḥī, Najm al-Dīn Ibn Ḥafs (1311 H.), *Ṭalabah al-Ṭalabah Fī al-Iṣṭilāḥ al-Fiqhiyyah*, Baghdad: Maktabah al-Muthnā.
- Nujaim, Zayn al-Dīn ibn (t.t.), *al-Baḥr al-Rā'iq Syarḥ Kanzu al-Daqā'iq*, c. ke 3, Dār al-Kitāb al-Islāmī, j. 5.
- al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muḥammad Ibn 'Umar Ibn Ḥusīn (1992), *Mukhtār al-Ṣiḥḥah*, Beirut: t. pt..
- Sherif, Ali (1975), 'People management in Islam.' *Management Review*, vol. 9(2), h. 45-67.
- Shukeri Mohammad (1999), 'Siyasah Syar'iyah dan kedudukannya Sebagai Metod Penentuan hukum.' Dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj. Azhari (ed.), *Hukum Islam Semasa bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, h. 99.
- Siddiquee, N. A. (2006), 'Public management reform in Malaysia.' *International Journal of Public Sector Management*, Vol. 19(4), h. 339-358.
- Tāj, 'Abd al-Raḥmān (1415 H), *al-Siyāsah al-Syar'iyah Wa al-Fiqh al-Islāmī*, Kaḥerah: al-Azhār.
- Tayeb, M. (1997), 'Islamic revival in Asia and human resource management.' *Employee relations*, Vol. 19(4), h. 352-364.
- Al-Tāḥir, Aḥmad al-Zawāwī (t.t.), *Tartīb al-Qāmūs al-Muḥīt*, Beirut, j. 2.
- Vermeir, I., Blackler, F.B. & Verbeke, W. (2007), 'Determinants of halal meat consumption in France.' *British Food Journal*, vol. 109(5), pp. 367-386.
- Yāsin, Muḥammad Na'im (1992), *Mudhakkirah Fī al-Siyāsah al-Syar'iyah*, Amman: Jāmi'ah al-Urdūniyyah.
- al-Zalbānī, Rizq Muḥammad (t.t.), *Mudhakkirah Fī Maddah al-Siyāsah al-Syar'iyah*, Kaḥerah: Maṭba'ah al-Syarq.
- Al-Zubaydī (t.t.), *Tāj al-'Arūs Min Jawāhir al-Qāmūs*, Beirut: Dār al-Maktabah al-Hayah, j. 4.

Internet & Media cetak

Berita Harian, "JAKIM ambil alih proses sijil halal", 10 Julai, 2009.

Halal Industry Development Centre (HDC), Company Profile,
www.hdcglobal.com/mainpage/aboutHDC/profile.asp. Diakses pada 21.11.08.

Kenyataan untuk media, Institut Kefahaman Malaysia (IKIM), 31 Oktober, 2008.

Persidangan zakat dan cukai peringkat kebangsaan 2007,
[www.zakat.com.my/kertas_kerja/perancangan nilai Islam](http://www.zakat.com.my/kertas_kerja/perancangan_nilai_Islam), diakses pada
21.11.08

The 2008 Budget speech, daripada internet:
www.epu.jpm.my/bajet/enbudget2009.pdf. Diakses pada 21.11.08.